

MODEL: C1100



MALAY
简体中文
ENGLISH



P/N: MMBB0121227

ISSUE 1.0
PRINTED IN KOREA

CE 0700

USER'S MANUAL

Telefon GPRS & MMS

BUKU PANDUAN PENGGUNA

MODEL: C1100

Sila baca buku panduan ini dengan teliti sebelum mengendalikan telefon bimbit anda. Simpan ia untuk rujukan masa depan.

T • E • L • E • F • O • N • G • P • R • S • & • M • M • S

MALAY

Telefon GPRS & MMS

BUKU PANDUAN PENGGUNA

MODEL: C1100

Sila baca buku panduan ini dengan teliti sebelum mengendalikan telefon bimbit anda. Simpan ia untuk rujukan masa depan.

Pendahuluan

Tahniah di atas pembelian anda iaitu telefon selular C1100 yang canggih dan padat, direka bentuk untuk beroperasi dengan teknologi komunikasi bergerak digital yang terkini.



Panduan pengguna ini mengandungi maklumat penting mengenai penggunaan dan pengendalian telefon ini. Sila baca semua maklumat dengan teliti untuk prestasi optimum dan untuk mencegah sebarang kerosakan atau penyalahgunaan telefon ini. Sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan dengan nyata di dalam panduan pengguna ini boleh mentaksahkan waranti bagi alat ini.

Garis Panduan bagi Penggunaan yang Selamat dan Cepak



Baca garis panduan mudah ini. Melanggar peraturan mungkin merbahaya atau salah di sisi undang-undang. Maklumat terperinci lanjut diberikan di dalam buku panduan ini.

Pendedahan kepada Tenaga Frekuensi Radio

Pendedahan kepada gelombang radio dan maklumat Kadar Penyerapan Tertentu (Specific Absorption Rate) (SAR)

Telefon bimbit model G1600 ini telah direka bentuk supaya mematuhi keperluan keselamatan yang berkenaan bagi pendedahan kepada gelombang radio. Keperluan ini adalah berdasarkan garis panduan saintifik yang termasuk margin keselamatan yang bertujuan memastikan keselamatan bagi semua orang, tidak kira umur atau tahap kesihatan.

- Garis panduan mengenai pendedahan kepada gelombang radio ini menggunakan unit pengukuran yang disebut Kadar Penyerapan Tertentu (Specific Absorption Rate), atau SAR. Ujian-ujian bagi SAR dijalankan menggunakan kaedah yang dipiawaikan dengan telefon memancarkan pada aras kuasa diperakui yang tertinggi dalam semua jalur frekuensi.
- Walaupun mungkin terdapat perbezaan antara aras-aras SAR bagi pelbagai model telefon LG, kesemuanya direka bentuk supaya memenuhi garis panduan relevan bagi pendedahan kepada gelombang radio.
- Had SAR yang disyorkan oleh Suruhanjaya mengenai Perlindungan Sinaran Bukan-Ion (Commission on Non-Ionizing Radiation Protection) antarabangsa, iaitu 2W/kg dipuratakan ke atas sepuluh (10) gram tisu.
- Nilai SAR yang tertinggi bagi telefon model ini yang diuji oleh DAS4 bagi penggunaan pada telinga ialah 1.120 W/kg (10g).
- Maklumat SAR bagi penduduk di negara/kawasan yang telah mengambil had SAR yang disyorkan oleh Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik (Institute of Electrical and Electronics Engineers) (IEEE), iaitu 1.6 W/kg dipuratakan ke atas satu (1) gram tisu (misalnya Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan Taiwan).



Garis Panduan bagi Penggunaan yang Selamat dan Cepak

Penjagaan dan Penyenggaraan Produk

Amaran: Gunakan hanya bateri, pengecas dan aksesori yang diluluskan untuk digunakan khususnya dengan telefon model ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang berkaitan dengan telefon ini, dan mungkin merbahaya.

- Jangan buka bahagian-bahagian unit ini. (Bawa ia ke juruteknik khidmat yang berkelayakan apabila kerja pembaikan perlu dilakukan.)
- Jauhkan dari alat elektrik seperti TV, radio atau komputer peribadi.
- Unit ini harus diletakkan jauh dari sumber haba seperti penyinar atau alat memasak.
- Jangan jatuhkan.
- Jangan biarkan unit ini terkena getaran atau kejutan mekanikal.
- Salut telefon boleh rosak jika dibalut dengan pembalut atau pembalut vinil.
- Gunakan kain kering untuk membersihkan bahagian luar unit ini. (Jangan gunakan pelarut seperti benzena, penipis atau alkohol.)
- Jangan biarkan unit ini terdedah kepada asap atau debu yang berlebihan.
- Jangan simpan telefon bersebelahan dengan kad kredit atau tiket pengangkutan; ia boleh menjejaskan maklumat di dalam jalur bermagnetnya.
- Jangan ketuk skrin dengan benda tajam; ia boleh merosakkan telefon.
- Jangan dedahkan telefon kepada cecair atau lembapan.
- Gunakan aksesori seperti telefon telinga dengan berhati-hati. Jangan sentuh antena jika tidak perlu.



Operasi Telefon yang Cepak

Untuk menikmati prestasi optimum dengan penggunaan kuasa minimum sila:

- Pegang telefon sepertimana anda memegang telefon lain untuk bercakap. Semasa bercakap langsung ke dalam mikrofon, halakan antena ke arah atas dan melepasi bahu anda. Memastikan antena di panjangkan apabila membuat panggilan.
- Jangan memegang antena sambil membuat panggilan telefon. Ini akan menjejaskan mutu panggilan dan menyebabkan telefon beroperasi pada aras kuasa lebih tinggi daripada yang diperlukan dan masa penggunaan kuasa bateri di kurangkan.
- Jika telefon bimbit anda menyokong inframerah, jangan sekali-kali menghalakan alur inframerah ke arah mata seseorang.

Peranti Elektronik

Semua telefon wayarles boleh mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasinya.

- Jangan gunakan telefon bimbit anda berdekatan dengan kelengkapan perubatan tanpa meminta izin. Elakkan daripada meletakkan telefon di atas perentak jantung, iaitu di dalam saku dada anda.
- Sesetengah alat bantuan pendengaran boleh mendapat gangguan daripada telefon bimbit.
- Gangguan yang sedikit boleh menjejaskan TV, radio, PC, dan sebagainya.



Garis Panduan bagi Penggunaan yang Selamat dan Cepak

Keselamatan Di Jalan Raya

Periksa undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan telefon bimbit di kawasan-kawasan tempat anda memandu.

- Jangan gunakan telefon pegang tangan semasa memandu.
- Berikan sepenuh perhatian kepada kegiatan memandu.
- Gunakan kit bebas tangan, jika terdapat.
- Keluar dari jalan raya dan letakkan kereta sebelum membuat dan menjawab panggilan jika keadaan memandu memerlukan.
- Tenaga RF boleh menjejaskan sesetengah sistem elektronik di dalam kenderaan bermotor anda seperti stereo kereta, kelengkapan keselamatan.
- Apabila kenderaan anda dilengkapi dengan Beg udara, jangan letakkan barang-barang termasuk sama ada kelengkapan wayarles yang dipasang atau yang mudah alih. Ini boleh menyebabkan kecederaan serius jika tidak berfungsi dengan betul.

Kawasan Letupan

Jangan gunakan telefon di mana peletupan sedang dijalankan. Ikut sekatan-sekatan, dan patuhi sebarang undang-undang atau peraturan.

Persekitaran Boleh Meletup

- Jangan menggunakan telefon di tempat mengisi bahan bakar. Jangan gunakan berdekatan dengan bahan bakar atau kimia.
- Jangan angkut atau simpan gas atau cecair mudah terbakar, atau bahan letupan di dalam petak simpanan kenderaan anda, yang mengandungi telefon bimbit anda dan aksesori-aksesorinya.

Di Dalam Pesawat

Peranti-peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.



- Matikan telefon bimbit anda sebelum menaiki sebarang pesawat.
- Jangan gunakan ia di lapangan terbang tanpa izin daripada kakitangan.

Kanak-Kanak

Simpan telefon di tempat yang selamat jauh dari capaian kanak-kanak. Ini termasuk bahagian-bahagiannya yang kecil yang boleh menimbulkan bahaya tercekik jika dipisahkan.

Panggilan Kecemasan

Panggilan kecemasan mungkin tidak terdapat di bawah semua rangkaian. Oleh itu, anda tidak harus bergantung semata-mata pada telefon ini untuk panggilan kecemasan. Periksa dengan pembekal khidmat setempat anda.

Maklumat dan Penjagaan Bateri

- Anda tidak perlu menyahcas bateri sepenuhnya sebelum mengecasnya semula. Tidak seperti sistem bateri lain, tiada kesan ingatan yang boleh menjejaskan prestasi bateri.
- Gunakan hanya bateri dan pengecas LG. Pengecas LG direka bentuk untuk memaksimumkan hayat bateri.
- Jangan buka atau melitar pintas pek bateri.
- Pastikan sentuhan logam pek bateri sentiasa bersih.
- Gantikan bateri apabila ia tidak lagi memberikan prestasi yang boleh diterima. Pek bateri boleh dicas beratus-ratus kali sehingga ia perlu diganti.
- Cas semula bateri jika ia tidak digunakan untuk masa yang lama bagi memaksimumkan kegunaannya.
- Jangan dedahkan pengecas bateri kepada cahaya matahari langsung atau gunakan ia dalam kelembapan tinggi seperti di dalam bilik air.
- Jangan biarkan bateri di tempat yang panas atau sejuk; ini boleh melemahkan prestasi bateri.



Kandungan

Gambaran keseluruhan

Bahagian Telefon 12

- Bahagian utama Telefon 12
- Bahagian luar Telefon 13

Perihalhan Kekunci 14

- Kekunci Tepi 15
- Kekunci Huruf 16

Maklumat Paparan

Maklumat Paparan 17

- Ikon Pada Skrin 17

Bermula

Pemasangan 18

- Memasukkan Kad SIM 18
- Mengeluarkan kad SIM 18
- Memasang Bateri 19
- Mengecas Bateri 19
- Memutuskan sambungan pengecas 20

Membuat dan Menjawab Panggilan 21

- Membuat Panggilan 21
- Panggilan Antarabangsa 21
- Membuat panggilan menggunakan Buku telefon 21

Fungsi-Fungsi Tambahan

Menu Dalam Panggilan 22

- Semasa panggilan 22
- Panggilan Berbilang Pihak atau Persidangan 24



Kod Akses	27
• Kod PUK (4 hingga 8 angka)	27
• Kod PUK2 (4 hingga 8 angka)	27
• Kod PUK (4 hingga 8 angka)	27
• Kod PUK2 (4 hingga 8 angka)	27
• Kod keselamatan (4 hingga 8 angka)	27

Mengakses Menu

Pokok Menu	28
-------------------------	-----------

Mesej [Menu 1]	30
-----------------------------	-----------

- Tulis Mesej Pendek [Menu 1-1]
- Tulis Mesej Multimedia [Menu 1-2]
- Peti Masuk [Menu 1-3]
- Peti Keluar [Menu 1-4]
- Draf [Menu 1-5]
- Dengar Mel Suara [Menu 1-6]
- Maklumat Servis [Menu 1-7]
- Templat [Menu 1-8]
- Tetapan [Menu 1-9]

Daftar Panggilan [Menu 2]	49
--	-----------

- Panggilan Tidak Dijawab [Menu 2-1]
- Panggilan Diterima [Menu 2-2]
- Panggilan Dail [Menu 2-3]
- Padam Panggilan Terkini [Menu 2-4]
- Caj Panggilan [Menu 2-5]
- Aturan GPRS [Menu 2-6]

Profil [Menu 3]	52
------------------------------	-----------

- Peribadi [Menu 3-1]
- Kuat [Menu 3-2]



Kandungan

• Alat Dengar [Menu 3-3]	52
• Kereta [Menu 3-4]	52
• Getar Sahaja [Menu 3-5]	52
• Senyap [Menu 3-6]	52
Tetapan [Menu 4]	56
• Tarikh & Masa [Menu 4-1]	56
• Tetapan Telefon [Menu 4-2]	56
• Tetapan Panggilan [Menu 4-3]	58
• Tetapan Sekuriti [Menu 4-4]	62
• Tetapan Rangkaian [Menu 4-5]	65
• Tetapan GPRS [Menu 4-6]	66
• Tetap Semula Aturan [Menu 4-7]	66
Penyelenggara [Menu 5]	67
• Jam Loceng [Menu 5-1]	67
• Jadual [Menu 5-2]	67
• Buku Telefon [Menu 5-3]	69
Mainan & Utiliti [Menu 6]	75
• Kegemaran [Menu 6-1]	75
• Permainan [Menu 6-2]	75
• Kalkulator [Menu 6-3]	76
• Folder Saya [Menu 6-4]	76
• Pengubah Unit [Menu 6-5]	77
• Waktu Dunia [Menu 6-6]	77
• Alat Rakaman Suara [Menu 6-7]	78
• Status Memori [Menu 6-8]	76
Internet [Menu 7]	79
• Rumah [Menu 7-1]	79
• Penanda Buku [Menu 7-2]	79
• Profil [Menu 7-3]	79




• Pergi Ke URL [Menu 7-4]	82
• Tetapan Cache [Menu 7-5]	82
• Cookies settings [Menu 7-6]	83
• Pengesahan Sekuriti [Menu 7-7]	83
• Tetap Semula Profil [Menu 7-8]	83
• Versi Pelayar [Menu 7-9]	83
Mengenai menyemak imbas menu	84
Aplikasi [Menu 8]	85
• Aplikasi [Menu 8-1]	85
• Muat Turun [Menu 8-2]	85
• Profiles [Menu 8-3]	86
Aksesori	87
Data Teknikal	88



Bahagian Telefon

Bahagian utama Telefon





Bahagian Iuar Telefon















Perihalhan Kekunci

Berikut ditunjukkan komponen-komponen utama telefon.



Perihalhan Pad Kekunci

Kekunci	Perihalhan
	Kekunci Kiri Lembut / Kekunci Kanan Lembut Setiap daripada kekunci-kekunci ini melaksanakan fungsi yang ditunjukkan oleh teks yang dipaparkan betul-betul di atasnya.
	Kekunci mesej Anda boleh pergi ke menu Mesej (Peti masuk, Mel suara, Mesej tolak, Penjadual atau Penggera) langsung tanpa menatal. Kekunci-kekunci Pandu Arah Digunakan untuk menatal nama, nombor telefon, menu atau pilihan tetapan. Apabila anda menekan kekunci bawah, anda boleh melihat senarai menu Favourites (Kegemaran).
	Kekunci Hantar Anda boleh mendail nombor telefon dan menjawab panggilan. Jika anda menekan kekunci ini tanpa memasukkan nombor, telefon anda menunjukkan nombor-nombor yang paling terbaru didail, diterima dan tidak dijawab.
	Kekunci Angka Kekunci-kekunci ini digunakan terutamanya untuk mendail dalam mod tunggu sedia dan memasukkan nombor atau aksara dalam mod mengedit. Apabila anda menekan kekunci-kekunci ini untuk masa yang lama. <ul style="list-style-type: none">• Digunakan untuk memanggil peti mel suara anda melalui .• Digunakan untuk memanggil bagi panggilan antarabangsa melalui .• Digunakan untuk memanggil Dail cepat melalui  hingga .



Kekunci	Perihal
	Kekunci TAMAT/KUASA Digunakan untuk menamatkan atau menolak panggilan. Kekunci ini juga digunakan sebagai Kekunci Kuasa dengan menekan kekunci ini selama beberapa saat.
	Anda boleh memadam aksara, pergi balik ke menu. Sebagai tambahan, anda boleh melihat senarai memo suara apabila anda menekan kekunci ini sebentar dalam mod tunggu sedia. Jika anda menekan kekunci untuk masa yang lama, anda boleh merakamkan suara.

Kekunci Tepi

Kekunci	Perihal
 	Kekunci Tepi Atas/Bawah Semasa flip dibuka, anda boleh mengawal kelantangan nada kekunci dalam mod tunggu sedia dan kelantangan semasa panggilan.



Perihalannya Kekunci

Kekunci Huruf

Setiap kekunci boleh digunakan untuk beberapa simbol. Ini ditunjukkan di bawah.

Kekunci	Perihalannya
1 abc	., / ? ! - : ' " 1
2 abc	A B C 2 Ä Å Æ Ç a b c ä å æ ç
3 def	D E F 3 Ë Ê Ë e f ë è é
4 ghi	G H I 4 Ì Í Î Ï Ğ g h i ï í î ï ğ
5 jkl	J K L 5 j k l
6 mno	M N O 6 Ñ Ö Ø Ò Ó Ô Õ Æ m n o ñ ö ø ò ó ô õ æ
7 pqr	P Q R S 7 ß Ş p q r s ß ş
8 tuv	T U V 8 Ü Ú Ú Û t u v ü ú û
9 xyz	W X Y Z 9 w x y z
0 ±	[ruang] 0

Maklumat Paparan



Skrin memaparkan beberapa ikon. Ini diperihalkan di bawah.


Ikon Pada Skrin

Icon/Indicator	Perihalan
	Memberitahu anda kekuatan isyarat rangkaian.
	Panggilan disambungkan.
	Anda boleh menggunakan khidmat GPRS.
	Menunjukkan bahawa anda sedang menggunakan khidmat perayauan.
	Talian 1/2 sedang digunakan untuk panggilan keluar – Jika anda melangani Khidmat Dua Talian.
	Penggera telah ditetapkan dan sedang aktif.
	Memberitahu anda status bateri.
	Anda telah menerima mesej teks.
	Anda telah menerima mesej suara.
	Anda telah menerima mesej tolak.
	Anda boleh melihat jadual anda.
	Semua isyarat yang boleh didengar dimatikan.
	Menu umum dalam profil.
	Menu kuat dalam profil.
	Menu senyap dalam profil.
	Menu alat dengar dalam profil.
	Menu kereta dalam profil.
	Anda boleh mengalihkan panggilan.



Pemasangan


1. Memasukkan Kad SIM



Cari soket kad SIM di belakang telefon. Ikut langkah-langkah di bawah untuk memasang kad SIM.

1. Keluarkan bateri jika terpasang.
2. Gelongsorkan kad SIM ke dalam lubang alur, di bawah pemegang-pemegang perak, dengan penyambung-penyambung emasnya menghadap ke bawah dan sudut terpotongnya di sebelah kiri.

2. Mengeluarkan kad SIM



Ikut langkah-langkah di bawah untuk Mengeluarkan kad SIM.


1. Keluarkan bateri jika terpasang.
2. Keluarkan kad SIM dari lubang alur.

Pemberitahuan


- Mengeluarkan bateri dari telefon semasa ia dihidupkan boleh menyebabkan ia rosak.
- Sentuhan logam kad SIM mudah rosak apabila tercalar. Anda harus amat berhati-hati apabila anda memegang dan memasang kad SIM. Ikut arahan yang dibekalkan bersama kad SIM.



3. Memasang Bateri




1. Letakkan cuping di bahagian bawah bateri ke dalam pemegang penahan.




2. Kemudian tolak separuh bahagian bateri ke tempatnya.

4. Mengecas Bateri

Untuk menyambungkan penyesuai kembara pada telefon, anda mestilah telah pun memasang bateri.



1. Dengan anak panah menghadap anda seperti yang ditunjukkan di dalam gambar rajah, tolak palam pada penyesuai bateri ke dalam soket pada bahagian bawah telefon sehingga ia berdetap ke dalam tempatnya.



2. Sambungkan hujung lain penyesuai kembara pada soket wayar. Gunakan hanya pengecap yang disertakan di dalam bungkusan jualan.





Pemasangan

Amaran

- Jangan sambungkan penyambung dengan paksa kerana ini boleh merosakkan telefon dan/atau penyesuai kembara.

Nota

- “Bateri sedang mengecas” dipaparkan di skrin selepas menyambungkan penyesuai kembara. Hanya jika bateri benar-benar kosong, Lampu Penunjuk Panggilan beryala tanpa memaparkan “Bateri sedang mengecas”.

5. Memutuskan sambungan pengecas



Putuskan sambungan penyesuai kembara dari telefon dengan menekan butang-butang tepinya seperti yang ditunjukkan di dalam gambar rajah.

Nota

- Pastikan bateri dicas sepenuhnya sebelum menggunakan telefon.
- Jangan keluarkan bateri atau kad SIM anda semasa mengecas.
- Palang-palang bergerak ikon bateri akan berhenti setelah pengecasan selesai.

Nota




Jika bateri tidak mengecas,

- matikan telefon.
- pastikan bateri telah dimuatkan dengan betul.





Membuat dan Menjawab Panggilan




Membuat Panggilan

1. Masukkan nombor telefon termasuk kod kawasan. Jika anda mahu memadam nombor, tekan .
2. Tekan  untuk memanggil nombor.
3. Tekan  untuk menamatkan panggilan.

Panggilan Antarabangsa

1. Tekan dan tahan kekunci  untuk awalan antarabangsa. aksara "+" boleh menggantikan kod akses antarabangsa.
2. Masukkan kod negara, kod kawasan, dan nombor telefon.
3. Tekan .

Membuat panggilan menggunakan Buku telefon

1. Dalam mod tunggu sedia, tekan  [Nama].
2. Apabila menu dipaparkan, anda memilih Cari dengan menekan .
3. Jika anda temui perkara yang diinginkan dengan mencari melalui nama atau nombor telefon, tekan  untuk memanggil.





Menu Dalam Panggilan



Menu yang dipaparkan pada skrin telefon semasa panggilan adalah berlainan daripada menu utama lalai yang dicapai dari skrin melahu, dan pilihan-pilihannya diperihalkan di sini.

1 Semasa panggilan



1-1 Menahan Sesuatu Panggilan


Apabila panggilan dibuat atau dijawab, tekan  [Hantar] untuk menahannya. Apabila panggilan ditahan, tekan  [Hantar] untuk membuatnya aktif.

1-2 Membuat Panggilan Kedua

Anda boleh mendapatkan nombor dailan daripada buku telefon untuk membuat panggilan kedua. Tekan  [Nama] kemudian pilih **Cari**. Untuk menyimpan nombor dailan ke dalam buku telefon semasa panggilan, tekan  [Nama] kemudian pilih **Tambah baru**.


1-3 Bertukar-tukar Antara Dua Panggilan

Untuk bertukar-tukar antara dua panggilan, pilih  [Pilihan], kemudian pilih **Tukar** atau tekan sahaja kekunci  [Hantar].



Anda boleh menumpukan pada satu atau dua panggilan dengan menekan kekunci anak panah atas/bawah. Jika anda mahu menamatkan satu daripada dua panggilan, tumpukan pada panggilan yang ingin anda tamatkan, kemudian tekan kekunci  [Tamatkan] apabila panggilan yang ingin anda tamatkan ditumpukan.




1-4 Menjawab Panggilan Masuk



Untuk menjawab panggilan masuk apabila telefon berdering, tekan sahaja kekunci  [Hantar].



Telefon juga boleh memberitahu anda tentang panggilan yang masuk ketika anda sedang dalam panggilan lain. Satu nada berbunyi di dalam cuping telinga, dan paparan akan menunjukkan bahawa panggilan kedua sedang menunggu. Ciri ini, yang dipanggil Panggilan Menunggu, hanya boleh didapati jika rangkaian anda menyokongnya. Untuk butiran tentang bagaimana mengaktifkan dan menyahaktifkan ia lihat Panggilan menunggu [Menu 4-3-4].

Jika Panggilan Menunggu sedang aktif, anda boleh menahan panggilan yang pertama dan menjawab yang kedua, dengan menekan  [Hantar] atau dengan memilih  [Jawab], kemudian **Tahan dan Jawab**.



Anda boleh menamatkan panggilan semasa dan menjawab panggilan menunggu dengan memilih  [Menu], kemudian **Tamatkan & Jawab**.

1-5 Menolak Panggilan Masuk

Apabila tidak dalam panggilan anda boleh menolak panggilan masuk tanpa menjawabnya dengan hanya menekan  [Tamat] atau kekunci EZ Luaran  apabila flip dibuka.

Apabila dalam panggilan anda boleh menolak panggilan masuk dengan menekan kekunci  [Menu] dan memilih **Berbilang Pihak/Tolak** atau dengan menekan kekunci  [Tamatkan].

1-6 Membisukan Mikrofon


Anda boleh membisukan mikrofon semasa panggilan dengan menekan kekunci  [Pilihan] kemudian memilih **Bisu**. Telefon ini boleh disuarakan dengan menekan  [Suarakan].

Apabila telefon dibisukan, pemanggil tidak dapat mendengar suara anda, tetapi anda masih boleh mendengar suaranya.




Menu Dalam Panggilan

1-7 Mengaktifkan nada DTMF Semasa Panggilan

Untuk mengaktifkan nada DTMF semasa panggilan, misalnya, untuk membolehkan telefon anda menggunakan papan suis berautomatik, pilih  [Pilihan], kemudian **DTMF aktif**. Nada DTMF boleh dinyahaktifkan cengan cara yang sama.

1-8 Memanggil menu utama Mesej dan kit Alat SIM

Pilihan-pilihan menu utama Mesej dan kit Alat SIM boleh dicapai dari menu panggil masuk dengan memilih  [Pilihan]. Menu kit Alat SIM ditunjukkan hanya apabila SIM di dalam telefon menyokong khidmat kit Alat SIM.

2 Panggilan Berbilang Pihak atau Persidangan



Khidmat berbilang pihak atau persidangan memberikan anda keupayaan mengadakan perbualan serentak dengan lebih daripada seorang pemanggil, jika pembekal khidmat rangkaian anda menyokong ciri ini.

Panggilan berbilang pihak hanya boleh disediakan apabila anda mempunyai satu panggilan aktif dan satu panggilan yang ditahan, dengan kedua-dua panggilan telah dijawab. Setelah panggilan berbilang pihak disediakan, panggilan-panggilan boleh ditambahkan, diputuskan atau dipisahkan (iaitu, dikeluarkan daripada panggilan berbilang pihak tetapi masih tersambung kepada anda) oleh orang yang menyediakan panggilan berbilang pihak. Semua pilihan-pilihan ini terdapat dari menu panggil masuk dan disenaraikan di dalam Bahagian.


Bilangan maksimum pemanggil dalam panggilan berbilang pihak ialah lima. Setelah dimulakan, adalah yang mengawal panggilan berbilang pihak tersebut, dan hanya anda yang boleh menambah panggilan kepada panggilan berbilang pihak itu.



2-1 Membuat Panggilan Kedua

Anda boleh membuat panggilan kedua semasa anda sudah dalam panggilan lain. Untuk melakukan ini, masukkan nombor kedua dan tekan  [Hantar]. Apabila anda mendapat panggilan kedua, panggilan pertama ditahan secara automatik. Anda boleh bertukar-tukar antara panggilan-panggilan ini dengan memilih  [Pilihan] kemudian **Tukar**.

2-2 Menyediakan Panggilan Berbilang Pihak

Anda boleh menyambungkan panggilan yang ditahan kepada panggilan yang sedang aktif untuk membentuk panggilan berbilang pihak dengan memilih  [Pilihan] kemudian **Berbilang Pihak/Sambungkan semua**.


2-3 Menahan Panggilan Berbilang Pihak

Untuk menahan panggilan berbilang pihak, pilih  [Pilihan] kemudian **Berbilang Pihak/Tahan semua**.



2-4 Mengaktifkan Panggilan Berbilang Pihak yang Ditahan

Untuk membuat panggilan berbilang pihak yang ditahan aktif, pilih  [Pilihan] kemudian **Berbilang Pihak/Tahan semua**.

2-5 Menambah Panggilan kepada Panggilan Berbilang Pihak

Untuk menyambungkan panggilan aktif kepada panggilan berbilang pihak yang ditahan, pilih  [Pilihan] kemudian **Berbilang Pihak/Sambungkan semua**.


2-6 Memaparkan Pemanggil dalam Panggilan Berbilang Pihak

Untuk menatal nombor-nombor para pemanggil yang membentuk panggilan berbilang pihak pada skrin telefon, tekan kekunci  dan .




Menu Dalam Panggilan



2-7 Menahan Panggilan seorang Anggota Panggilan Berbilang Pihak

Untuk menahan panggilan seorang pemanggil yang dipilih (yang nombornya sedang dipaparkan di skrin) daripada panggilan berbilang pihak, pilih  [Pilihan] kemudian **Berbilang Pihak/Tak Termasuk**.

2-8 Panggilan Sulit dalam Panggilan Berbilang Pihak

Untuk mengadakan panggilan dengan seorang pemanggil panggilan berbilang pihak, paparkan nombor pemanggil yang ingin anda ajak berbual di skrin, kemudian pilih  [Pilihan] dan **Berbilang Pihak/Sulit** untuk menahan panggilan semua pemanggil yang lain.

2-9 Menamatkan Panggilan Berbilang Pihak

Panggilan pemanggil panggilan berbilang pihak yang sedang dipaparkan boleh diputuskan dengan menekan kekunci  [Tamatkan]. Untuk menamatkan panggilan berbilang pihak, tekan  [Pilihan] kemudian pilih **Berbilang Pihak/Tamatkan Berbilang Pihak**.

Memilih  [Pilihan] kemudian **Berbilang Pihak/Tamatkan semua**, akan menamatkan semua panggilan aktif dan ditahan.



Anda boleh menggunakan kod-kod akses yang diperihalkan dalam bahagian ini untuk mengelak penggunaan telefon anda tanpa izin. Kod-kod akses ini (kecuali kod PUK dan PUK2) boleh ditukar dengan menggunakan [Menu 4-4-5].

Kod PUK (4 hingga 8 angka)

Kod PIN (Nombor Pengenalan Peribadi) melindungi kad SIM anda daripada digunakan tanpa izin. Kod PIN biasanya dibekalkan bersama kad SIM. Apabila When **Kod PIN** ditetapkan ke **Aktif**, telefon anda akan meminta kod PIN setiap kali ia dihidupkan. Sebaliknya, apabila **Kod PIN** ditetapkan ke **Tak aktif**, telefon anda menyambung kepada rangkaian secara langsung tanpa meminta kod PIN.

Kod PUK2 (4 hingga 8 angka)

Kod PIN2, dibekalkan bersama sesetengah kad SIM, diperlukan untuk mengakses beberapa fungsi seperti Pemberitahuan caj panggilan, nombor Dail Tetap. Fungsi-fungsi ini hanya terdapat jika disokong oleh kad SIM anda.

Kod PUK (4 hingga 8 angka)

Kod PUK (Kunci Nyahhalang PIN) diperlukan untuk menukar kod PIN yang dihalang. Kod PUK mungkin dibekalkan bersama kad SIM. Jika tidak, hubungi pembekal khidmat setempat anda untuk mendapatkan kod tersebut. Jika anda kehilangan kod itu, hubungi juga pembekal khidmat anda.

Kod PUK2 (4 hingga 8 angka)

Kod PUK2, dibekalkan bersama sesetengah kad SIM, diperlukan untuk menukar kod PIN2 yang dihalang. Jika anda kehilangan kod itu, hubungi juga pembekal khidmat anda.

Kod keselamatan (4 hingga 8 angka)

Kod keselamatan melindungi telefon anda daripada digunakan tanpa izin. Ia biasanya dibekalkan bersama telefon. Kod ini diperlukan untuk memadam semua entri telefon dan untuk mengaktifkan menu "Tetapan tetap semula". Nombor lalainya ialah "0000".



Pokok Menu



1 Mesej

- 1 Tulis Mesej Pendek
- 2 Tulis Mesej Multimedia
- 3 Peti Masuk
- 4 Peti Keluar
- 5 Draf
- 6 Dengar Mel Suara
- 7 Maklumat Servis
- 8 Templat
- 9 Tetapan



2 Daftar Panggilan

- 1 Panggilan Tidak Dijawab
- 2 Panggilan Diterima
- 3 Panggilan Dail
- 4 Padam Panggilan Terkini
- 5 Caj Panggilan
- 6 Aturan GPRS



3 Profil

- 1 Peribadi
- 2 Kuat
- 3 Alat Dengar
- 4 Kereta
- 5 Getar Sahaja
- 6 Senyap



4 Tetapan

- 1 Tarikh & Masa
- 2 Tetapan Telefon
- 3 Tetapan Panggilan
- 4 Tetapan Sekuriti
- 5 Tetapan Rangkaian
- 6 Tetapan GPRS
- 7 Tetap Semula Aturan



5 Penyelenggara

- 1 Jam Loceng
- 2 Jadual
- 3 Buku Telefon



6 Mainan & Utiliti

- 1 Kegemaran
- 2 Permainan
- 3 Kalkulator
- 4 Folder Saya
- 5 Pengubah Unit
- 6 Waktu Dunia
- 7 Alat Rakaman Suara
- 8 Status Memori



7 Internet

- 1 Rumah
- 2 Penanda Buku
- 3 Profil
- 4 Pergi Ke URL
- 5 Tetapan Cache
- 6 Cookies settings
- 7 Pengesahan Sekuriti
- 8 Tetap Semula Profil
- 9 Versi Pelayar



8 Aplikasi

- 1 Aplikasi
- 2 Muat Turun
- 3 Profiles



9 Layanan SIM

Menu ini bergantung kepada SIM dan khidmat-khidmat rangkaian.





Mesej [Menu 1]

Menu ini termasuk fungsi-fungsi yang berkaitan dengan SMS (Khidmat Mesej Ringkas), MMS (Khidmat Mesej Multimedia), mel suara, serta mesej khidmat rangkaian.

Tulis Mesej Pendek [Menu 1-1]

Anda boleh menulis dan mengedit mesej teks, memeriksa bilangan halaman mesej.

1. Masukkan menu **Mesej** dengan menekan  [Pilih].
2. Jika anda mahu menulis mesej baru, pilih **Tulis Mesej Pendek**.
3. Untuk membuat masukan teks lebih mudah, gunakan T9. Untuk butiran, lihat **Bagaimana Menggunakan T9** (Halaman 35).
4. Tekan [Selit] untuk melampirkan yang berikut.
5. Jika anda mahu menetapkan pilihan bagi teks anda, atau untuk menyelesaikan tulisan anda, tekan  [Pilihan].


Nota

- Telefon yang menyokong EMS release 5 tepat untuk menghantar gambar berwarna, bunyi, gaya teks, dan sebagainya. Pihak yang lain mungkin tidak dapat menerima gambar, bunyi atau gaya teks yang adan hantar dengan sempurna jika telefonnya tidak menyokong pilihan-pilihan tersebut.

Pilihan

• Hantar

Menghantar mesej teks.

1. Masukkan nombor penerima.
2. Tekan kekunci untuk menambah lebih banyak penerima.
3. Anda boleh menambah nombor telefon di dalam buku telefon.
4. Tekan  selepas memasukkan nombor.



- **Simpan**

Menyimpan mesej di dalam Peti keluar.

- **Fon**

Anda boleh memilih **Saiz** dan **Gaya** fon.

- **Warna**

Anda boleh memilih **Warna** latar depan dan latar belakang.

- **Susunan**

Anda boleh membuat kandungan mesej sejajar **Kanan**, **Tengah** atau **Kiri**.

- **Tambah Kamus T9**

Anda boleh manambah perkataan anda sendiri. Menu ini boleh ditunjukkan hanya apabila mod edit adalah **Ramal (T9Abc/T9abc/T9ABC)**.

- **Bahasa T9**

Pilih mod masukan T9.

- **Keluar**

Jika anda menekan **Keluar** semasa menulis mesej, anda boleh menamatkan penulisan mesej dan kembali ke menu Mesej. Mesej yang telah anda tulis tidak disimpan.



Mesej [Menu 1]

Selit

- **Simbol**

Anda boleh menambah aksara-aksara khas.

- **Gambar**

Anda boleh memasukkan gambar-gambar **Lalai** atau gambar-gambar di dalam **Folder saya** yang terdapat bagi mesej ringkas.

- **Bunyi**

Anda boleh memasukkan bunyi yang terdapat bagi mesej ringkas.

- **Templat Teks**

Anda boleh menggunakan **Templat Teks** yang telah pun ditetapkan di dalam telefon.

- **Buku Telefon**


Anda boleh manambah nombor telefon atau alamat e-mel di dalam **Buku Telefon**.

- **Kad Bisnes**

Anda boleh menambah maklumat hubungan anda kepada mesej.

Tulis Mesej Multimedia [Menu 1-2]

Anda boleh menulis dan mengedit mesej multimedia, memeriksa saiz mesej.

1. Masukkan menu **Mesej** dengan menekan  [Pilih].
2. Jika anda mahu menulis mesej baru, pilih **Tulis Mesej Multimedia**.
3. Anda boleh mencipta mesej baru atau memilih salah satu daripada templat mesej multimedia yang telah dibuat.
4. Tekan **Masukkan** untuk menambah **Simbol, Photo, Gambar, Bunyi, Templat teks, Buku telefon** atau **Kad Bisnes**.



Pilihan

- **Hantar**

Anda boleh menghantar mesej multimedia kepada berbilang penerima, memberi keutamaan kepada mesej anda, dan menghantarnya kemudian juga.

- **Pandangan**

Anda boleh mempralihat mesej multimedia yang anda tulis.

- **Simpan**

Anda boleh menyimpan mesej multimedia di dalam draf atau sebagai templat.

- **Tambah Slaid**

Anda boleh menambah slaid sebelum atau selepas slaid semasa.

- **Pindah Ke Slaid**

Anda boleh berpindah ke slaid yang sebelumnya atau seterusnya.

- **Padamkan Slaid**

Anda boleh memadam slaid-slaid semasa.

- **Tetap Format Slaid**

- **Tetapkan Penentu Masa**

Anda boleh menetapkan masa untuk slaid, teks, gambar dan bunyi.

- **Tukar Teks Dan Gambar**

Anda boleh bertukar-tukar kedudukan gambar dan teks mesej.

- **Padamkan Media**

Anda boleh membuang gambar atau bunyi di dalam slaid. Pilihan ini boleh ditunjukkan hanya apabila ada sebarang media.



Mesej [Menu 1]

- **Tambah Kamus T9**

Anda boleh manambah perkataan anda sendiri. Menu ini boleh ditunjukkan hanya apabila mod edit adalah **Ramal (T9Abc/T9abc/T9ABC)**.

- **Bahasa T9**

Pilih mod masukan T9.

- **Keluar**

Anda boleh balik ke menu **Mesej**.



Nota

- Jika anda memilih gambar (15K) semasa menulis mesej multimedia, tempoh pemuatan akan mengambil sekurang-kurangnya sekitar 15 saat. Tambahan pula, anda tidak boleh mengaktifkan sebarang kekunci sewaktu masa pemuatan. Selepas 15 saat, anda boleh menulis mesej multimedia.




Bagaimana Menggunakan T9

T9 membolehkan anda memasukkan teks dengan cepat. Dalam T9, anda hanya perlu menekan kekunci dengan huruf yang sepadan sekali. Ini berdasarkan kamus terbina dalam yang boleh anda tambahkan dengan perkataan-perkataan baru.

• Menulis perkataan menggunakan T9.

1. Mula menulis perkataan menggunakan kekunci-kekunci hingga . Tekan setiap kekunci sekali sahaja untuk satu huruf. Untuk menulis misalnya 'Girl'.



Perkataan berubah setiap kali kekunci ditekan. Oleh itu, anda tidak harus terlalu menumpukan perhatian pada perkataan yang dipaparkan sehingga anda telah menekan semua kekunci yang sesuai.

Untuk memadam aksara di sebelah kiri, tekan .

Untuk memasukkan beberapa nombor, tekan dan tahan dan masukkan nombor.

Jika anda menekan dan menahan, anda boleh menukar jenis bahasa. (Anda juga boleh menggunakan pilihan-pilihan.)

Telefon juga menyokong tiga mod: **Ramal** (T9Abc, T9ABC, T9abc), **Berbilang ketuk** (ABC, abc), **Angka** (123). Jika anda mahu menukar mod, tekan kekunci .



Mesej [Menu 1]


Sebagai alternatif: Tekan kekunci dan pilih masukkan simbol. Pilih aksara yang diinginkan dan tekan **Pilih**.

2. Apabila anda selesai menulis perkataan, periksa sama ada perkataan itu betul.

Jika perkataan itu betul: Tekan dan tulis perkataan seterusnya.

Jika perkataan itu tidak betul: Cari dengan (**Sebelumnya** dan **Perkataan seterusnya**).

Sebagai alternatif: Jika tiada perkataan yang anda mahu, anda boleh menambah perkataan anda sendiri. Tekan [Pilihan] dalam mod edit Ramal. Pilih Menu kamus Tambah T9. Anda dapat melihat yang berikut:



3. Untuk memasukkan tanda baca, tekan berkali-kali sehingga tanda yang diinginkan muncul.

Bahasa T9

- Anda boleh memilih Bahasa T9 dengan memilih Menu. Dalam mod T9, anda juga boleh memilih menu T9 tak aktif. (Lalainya ialah T9 Aktif)



Peti Masuk [Menu 1-3]

Anda akan diberitahu apabila anda telah menerima mesej. Mesej-mesej akan disimpan di dalam Peti masuk.

Di dalam Peti masuk, anda boleh mengenal pasti setiap mesej melalui ikon. Untuk butiran, lihat panduan ikon.

Panduan ikon

- [] Mesej Multimedia
- [] Mesej Ringkas
- [] Mesej SIM Mesej
- [] Terbaca
- [] Mesej multimedia telah dimaklum

Jika telefon menunjukkan 'Tiada ruang bagi mesej SIM', anda perlu memadam sebarang mesej SIM dari peti masuk dan peti keluar. Jika telefon memaparkan 'Tiada ruang untuk mesej', anda boleh membuat ruang setiap tempat simpanan dengan memadam mesej, media dan aplikasi.

* Mesej SIM

Mesej SIM bermakna mesej yang disimpan di dalam kad SIM.

Untuk mesej multimedia telah dimaklum, anda perlu menunggu mesej dimuat turun dan diproses. Untuk tetapan pemberitahuan, lihat [Menu 1-9-2] untuk butiran.

Untuk membaca mesej, pilih salah satu mesej dengan menekan





Mesej [Menu 1]

Jawab

Anda boleh membalas mesej penghantar.

Ke Hadapan

Anda boleh menghantar lanjut mesej terpilih kepada pihak lain.

Balas Panggilan

Anda boleh memanggil balik penghantar.

Padam

Anda boleh memadam mesej semasa.

Mengeluarkan

Anda boleh mengeluarkan gambar, bunyi dan teks. Ia akan disimpan di dalam Folder saya atau Buku telefon.

Lihat Informasi

Anda boleh melihat maklumat mengenai mesej yang diterima, Alamat penghantar, Perkara (hanya untuk Mesej multimedia), Tarikh & masa mesej, Jenis mesej, Saiz mesej.

Memainkan Semula (untuk mesej Multimedia sahaja)

Anda boleh memainkan semula mesej multimedia.

* Terima (Dalam hal mesej pemberitahuan)

Jika **Mesej multimedia** ditetap ke **Muat turun auto tak aktif**, anda hanya boleh menerima Pemberitahuan. Untuk menerima mesej, anda perlu memilih [Terima].







Peti Keluar [Menu 1-4]

Anda boleh melihat mesej yang dihantar dan belum dihantar di sini. Untuk mesej yang dihantar, anda boleh melihat status penghantaran.

Penyemakan imbas adalah sama bagi mesej peti masuk.

Panduan ikon

- [] Dihantar
- [] Belum dihantar
- [] Penghantaran disahkan
- [] Mesej ringkas dihantar

* Apabila anda menggunakan mesej yang telah dihantar:

Ke Hadapan

Anda boleh menghantar lanjut mesej semasa kepada penerima-penerima lain.

Padam

Anda boleh memadam mesej semasa.

Lihat Informasi

Anda boleh melihat maklumat mengenai mesej peti keluar, Alamat penerima, Perkara (hanya untuk Mesej multimedia), Tarikh & masa mesej, Jenis mesej, Saiz mesej.



Mesej [Menu 1]

* Apabila anda tidak menghantar mesej:

Edit

Anda boleh mengedit mesej.

Hantar

boleh menghantar mesej.

Padam

Anda boleh memadam mesej semasa.


Lihat informasi

Anda boleh melihat maklumat mengenai mesej-mesej peti keluar.


Draf [Menu 1-5]

Anda boleh melihat mesej-mesej yang disimpan sebagai draf. Mesej-mesej draf disenaraikan dengan tarikh dan waktu ia disimpan. Tatal senarai menggunakan kekunci pandu arah atas/bawah.

Panduan ikon

[] Mesej multimedia

[] Mesej teks

Setiap draf mempunyai pilihan-pilihan berikut: Tekan  [Pilihan].

Lihat

Anda boleh melihat mesej yang terpilih.



Edit

Anda boleh mengedit mesej yang terpilih.

Padam

Memadam mesej yang terpilih dari folder draf.

Lihat informasi

Anda boleh melihat maklumat bagi mesej yang terpilih. perkara (hanya untuk mesej multimedia), tarikh dan waktu ia disimpan, jenis dan saiz mesej, prioriti (hanya untuk mesej multimedia).

Padam semua

Memadam semua mesej dari folder draf.

Dengar Mel Suara [Menu 1-6]

Anda boleh mendengar mel suara.

Maklumat Servis [Menu 1-7]

Mesej khidmat maklumat adalah mesej teks yang dihantar oleh rangkaian kepada GSM. Ia memberi maklumat umum seperti laporan cuaca, berita lalu lintas, teks, farmasi, dan harga saham. Setiap jenis maklumat mempunyai nombor; oleh itu, anda boleh menghubungi pembekal khidmat asal sahaja anda telah memasukkan nombor tertentu bagi maklumat tersebut. Apabila anda telah menerima mesej khidmat maklumat, anda boleh melihat mesej pop naik yang menunjukkan anda telah menerima mesej atau mesej khidmat maklumat itu akan langsung dipaparkan. Untuk melihat mesej sekali lagi atau tidak dalam mod tunggu sedia, ikut urutan yang ditunjukkan di bawah:



Mesej [Menu 1]

Baca [Menu 1-7-1]

1. Apabila anda telah menerima mesej khidmat maklumat dan memilih **Baca** untuk melihat mesej, ia akan dipaparkan pada skrin. Anda boleh membaca mesej lain dengan menatal (☰, ☷) atau ↻ [Seterusnya].
2. Mesej akan ditunjukkan sehingga mesej lain dicapai.

Topik [Menu 1-7-2]

• Tambah Baru

Anda boleh menambah nombor khidmat mesej khidmat maklumat di dalam ingatan Telefon dengan nama panggilannya.

• Lihat Senarai

Anda boleh melihat nombor mesej khidmat maklumat yang telah anda tambahkan. Jika anda menekan ↻ [Pilihan], anda boleh mengedit dan memadam kategori mesej maklumat yang telah anda tambahkan.

• Senarai Aktif

Anda boleh memilih nombor mesej khidmat maklumat di dalam senarai aktif. Jika anda mengaktifkan nombor khidmat maklumat, anda boleh menerima mesej yang dihantar dari nombor itu.

Templat [Menu 1-8]

Teks [Menu 1-8-1]

Anda mempunyai 11 templat teks. Anda boleh menukar templat yang dipraktifik menjadi templat kegemaran anda atau isikan yang <kosong>.



Multimedia [Menu 1-8-2]

Anda boleh menggunakan pilihan-pilihan yang berikut.:

- **Hantar**

Anda boleh menghantar mesej multimedia kepada berbilang penerima, memberi keutamaan kepada mesej anda, dan menghantarnya kemudian juga.

- **Pandangan**

Anda boleh mempralihat mesej multimedia yang anda tulis.

- **Simpan**

Anda boleh menyimpan mesej multimedia di dalam draf atau sebagai templat.

- **Tambah Slaid**

Anda boleh menambah slaid sebelum atau selepas slaid semasa.

- **Pindah Ke Slaid**

Anda boleh berpindah ke slaid yang sebelumnya atau seterusnya.

- **Padamkan Slaid**

Anda boleh memadam slaid-slaid semasa.

- **Tetap Format Slaid**

- **Tetapkan Penentu Masa**

Anda boleh menetapkan masa untuk slaid, teks, gambar dan bunyi.

- **Tukar Teks Dan Gambar**

Anda boleh bertukar-tukar kedudukan gambar dan teks mesej.



Mesej [Menu 1]

- **Padamkan Media**

Anda boleh membuang gambar atau bunyi di dalam slaid. Pilihan ini boleh ditunjukkan hanya apabila ada sebarang media.

- **Tambah Kamus T9**

Anda boleh manambah perkataan anda sendiri. Menu ini boleh ditunjukkan hanya apabila mod edit adalah **Ramal (T9Abc/T9abc/T9ABC)**.

- **Bahasa T9**

Pilih mod masukan T9.

- **Keluar**

Anda boleh balik ke menu **Mesej**.

Kad Bisnes [Menu 1-8-3]

Anda boleh membuat kad niaga anda sendiri. Masukkan Nama, Nombor telefon, Nombor faks dan E-mel.

Tetapan [Menu 1-9]

Mesej Pendek [Menu 1-9-1]

- **Jenis Mesej**

Teks, Suara, Faks, Nasional Kelui, X.400, E-mel, ERMES

Biasanya, jenis mesej ditetapkan ke **Teks**. Anda boleh menukar teks anda kepada format-format lain. Hubungi pembekal khidmat anda untuk ketersediaan fungsi ini.

- **Tempoh Sah**

Khidmat rangkaian ini membolehkan anda menetapkan berapa lama mesej teks anda akan disimpan di pusat mesej.

- **Laporan Penghantaran**

Jika anda menetap ke **Ya**, anda boleh memeriksa sama ada mesej anda telah berjaya dihantar.



- **Balas Dengan Pusat Servis Yang Sama**

Apabila mesej dihantar, ia membolehkan penerimanya membalas dan mengecaj kos balasannya kepada bil telefon anda.

- **Pusat SMS**

Jika anda mahu menghantar mesej teks, anda boleh menerima alamat pusat SMS melalui menu ini.

Mesej Multimedia [Menu 1-9-2]

- **Keutamaan**

Anda boleh menghantar mesej selepas menetapkan tahap keutamaan: Rendah, Biasa dan Tinggi.

- **Tempoh Sah**

Khidmat rangkaian ini membolehkan anda menetapkan berapa lama mesej teks anda akan disimpan di pusat mesej.

- **Aturan Utk Laporan Penghantaran MMS**

Jika ia ditetapkan ke **Ya** dalam menu ini, anda boleh memeriksa sama ada mesej anda telah berjaya dihantar.

- **Muat Turun Automatik**

Pasang: Mesej-mesej dimuat turun secara automatik apabila diterima.

Padam: Memerlukan anda mengesahkan mesej mana yang ingin dimuat turun.

Rangkaian rumah sahaja: Dalam rangkaian rumah, anda boleh mengaktifkan menu "Pasang" Muat turun automatik; jika tidak, anda boleh mengaktifkan Muat turun automatik dalam rangkaian merantau apabila anda menetapkan Padam.



Mesej [Menu 1]

• Tetapan Rangkaian

Untuk muat turun MMS dari pelayan, anda harus menetapkan CSD ataupun GPRS sebagai data sambungan. Jika anda memiliki multimedia mesej, anda boleh tetapkan URL sebagai pelayan multimedia mesej. Anda boleh tetapkan 5 profil sebagai servis sambungan.

- Laman Utama

Menu ini membolehkan anda menyambung ke pusat MMS (MMSC).

- Pembawa

- Data
- GPRS

- Tetapan Data

Hanya wujud jika anda memiliki Data sebagai pembawa.

Alamat IP

No. Dail : Masukkan no.telephone untuk mengakses ke WAP.

ID Pengguna

Katalaluan

Jenis Panggilan : Pilih jenis panggilan data, analog ataupun ISDN.

Kelajuan panggilan : Kelajuan sambungan data adalah 9600 ataupun 14400.

- Tetapan GPRS

Hanya wujud jika anda memiliki GPRS sebagai pembawa.

Alamat IP

APN : Masukkan APN (Access Point Name).

ID Pengguna

Katalaluan



- **Jenis sambungan**

Anda boleh pilih jenis sambungan sebagai Berterusan ataupun Sementara.

- **Tetapan Kawalan**

Tergantung kepada pintu laluan, anda boleh pilih Pasang ataupun Padam.

• **Jenis Mesej Dibenarkan**


Peribadi : Mesej peribadi.

Iklan : Mesej perdagangan.

Infomasi : Maklumat yang perlu.

Pusat Mel Suara [Menu 1-9-3]

Anda boleh menerima mel suara jika ciri ini disokong oleh pembekal khidmat rangkaian anda. Apabila mel suara baru tiba, simbol akan dipaparkan pada skrin. Sila periksa dengan pembekal khidmat rangkaian anda untuk butiran khidmat mereka bagi menatarajah telefon sewajarnya.

1. Tekan dan tahan kekunci  dalam mod tunggu sedia.
2. Anda boleh memeriksa sub-sub menu yang berikut.:

• **Rumah**

Anda boleh mendengar mel suara dengan memilih **Rerumah**.

• **Merantau**

Walaupun anda di luar negeri, anda boleh mendengar mel suara jika khidmat perayauan disokong.



Mesej [Menu 1]

Maklumat Servis [Menu 1-9-4] (Bergantung kepada rangkaian dan langganan)

- **Terima**

- **Ya**

- Jika anda memilih menu ini, telefon anda akan menerima Mesej khidmat maklumat.

- **Tidak**

- Jika anda memilih menu ini, telefon anda tidak akan menerima Mesej khidmat maklumat lagi.

- **Isyarat**

- **Ya**

- Telefon anda akan berbunyi bip apabila anda menerima nombor Mesej khidmat maklumat.

- **Tidak**

- Telefon tidak akan berbunyi bip walaupun anda telah menerima mesej khidmat maklumat.

- **Bahasa**

- Anda boleh memilih bahasa yang anda mahu dengan menekan [Aktif/Tak aktif]. Kemudian, mesej khidmat maklumat akan ditunjukkan dalam bahasa yang anda pilih.

Mesej Push [Menu 1-9-5]

Anda boleh menetapkan pilihan sama ada untuk menerima mesej atau tidak.



Daftar Panggilan [Menu 2]

Panggilan Tidak Dijawab [Menu 2-1]

Menu ini menunjukkan nombor-nombor panggilan terbaru yang tidak dijawab. Anda boleh memanggil nombor-nombor ini, menyimpan dan melihat tarikh dan masanya.

Panggilan Diterima [Menu 2-2]

Menu ini menunjukkan nombor-nombor panggilan terbaru yang diterima. Anda boleh memanggil nombor-nombor ini, menyimpan dan melihat tarikh dan masanya.

Panggilan Dail [Menu 2-3]

Menu ini menunjukkan nombor-nombor terbaru yang tidak didail. Anda boleh memanggil nombor-nombor ini, menyimpan dan melihat tarikh dan masanya.

Padam Panggilan Terkini [Menu 2-4]



Anda boleh memadam panggilan terbaru **Panggilan tak dijawab**, **Panggilan diterima**, **Panggilan yang didail** atau **Semua panggilan**.

Caj Panggilan [Menu 2-5]

Dalam sub-submenu ini, anda boleh melihat tempoh dan kos panggilan anda.

Tempoh Panggilan [Menu 2-5-1]

Fungsi ini membolehkan anda melihat tempoh Panggilan terakhir, Panggilan diterima dan Panggilan yang didail dalam jam, minit dan saat. Anda juga boleh menetapkan semula pemasa panggilan.

1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan  untuk akses langsung atau gunakan (*# dan #*) untuk memasukkan **Daftar panggilan**, kemudian pilih **Caj panggilan**.



Daftar Panggilan [Menu 2]

3. Tatal untuk menyerlahkan **Tempoh Panggilan** dan Tekan [Pilih].
5 submenu yang berikut: **Panggilan akhir, Semua panggilan, Panggilan diterima, Panggilan yang didail** dan **Tetap semua semua**.

Kos Panggilan [Menu 2-5-2]

Fungsi ini membolehkan anda memeriksa kos panggilan terakhir anda, semua panggilan, bakinya dan menetapkan semula kos. Untuk menetapkan semula kos, anda memerlukan kod PIN2.

1. Tekan [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan untuk akses langsung atau gunakan (*, dan #) untuk memasukkan **Daftar panggilan**, kemudian pilih **Caj panggilan**.
3. Tatal untuk menyerlahkan **Kos Panggilan** dan Tekan [Pilih].
4 submenu yang berikut: **Panggilan akhir, Semua panggilan, Baki** dan **Tetap semua semua**.

Nota

- Kos sebenar yang diinvois untuk panggilan-panggilan oleh pembekal khidmat anda mungkin berbeza-beza bergantung kepada ciri rangkaian, pembulatan bil, cukai, dan sebagainya.

Aturan [Menu 2-5-3] (Bergantung kepada SIM)

• Tetapkan Tarif

Anda boleh menetapkan jenis mata wang dan harga unit. Hubungi pembekal khidmat anda untuk mendapatkan harga unit mengecaj. Untuk memilih mata wang atau unit dalam menu ini, anda memerlukan kod PIN2.

Jika anda mahu memasukkan simbol €, £, \$, padam semua rentetan mata wang dan kemudian tekan kekunci . Jika anda mahu menukar simbol, tekan kekunci sekali lagi.



Nota

- Apabila semua unit telah digunakan, tiada panggilan boleh dibuat kecuali panggilan kecemasan. Bergantung kepada kad SIM, anda memerlukan kod PIN2 untuk menetapkan had kos panggilan.

• Tetapkan Kredit

Khidmat rangkaian ini membolehkan anda mengehendkan kos panggilan anda melalui unit pengecaj terpilih. Jika anda memilih **Baca**, bilangan unit yang tinggal ditunjukkan. Jika anda memilih **Tukar**, anda boleh menukar had caj anda.

• Paparan Automatik

Khidmat rangkaian ini membolehkan anda melihat secara automatik kos panggilan akhir anda. Jika diletak ke **Aktif**, anda boleh melihat kos terakhir apabila panggilan dilepaskan.

Aturan GPRS [Menu 2-6]

Anda boleh memeriksa jumlah data yang dipindahkan melalui rangkaian menerusi GPRS. Tambahan pula, anda boleh melihat berapa banyak masa yang anda punyai dalam talian.

Tempoh Panggilan [Menu 2-6-1]

Anda boleh memeriksa tempoh **Panggilan akhir** dan **Semua panggilan**. Anda juga boleh menetapkan semula pemasa panggilan.



Volum Data [Menu 2-6-2]

Anda boleh memeriksa **Dihantar**, **Diterima** atau **Semua** jumlah data dan **Tetap semula semua**.



Profil [Menu 3]

Dalam menu ini, anda boleh melaras dan menyesuaikan nada telefon untuk acara dan persekitaran yang berlainan.

1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan  untuk akses langsung atau gunakan (* dan #).
3. Anda boleh juga memasuki menu ini langsung dengan menekan kekunci (* dalam mod tunggu sedia.

Peribadi [Menu 3-1]

Anda boleh melaras profil sebagai **Umum**.

Kuat [Menu 3-2]

Anda boleh melaras profil sebagai **Kuat** jika anda berada di tempat yang bising.

Alat Dengar [Menu 3-3]

Anda boleh melaras profil sebagai **Alat Dengar** apabila anda memakai alat dengar.

Kereta [Menu 3-4]

